


## SINTAKSIS : LATIHAN (FRASA)

1. Nyatakan ciri lain bagi frasa dalam rajah yang berikut.



2. Bina ayat yang menggunakan frasa nama yang dapat menunjukkan fungsi yang berikut.

(a) Subjek dan predikat

.....

(b) Objek

.....

(c) Unsur dalam binaan frasa sendi nama

.....

(d) Pelengkap

.....

- |                |                    |                 |
|----------------|--------------------|-----------------|
| 3. pingat emas | hutan belukar      | suami isteri    |
| hari ketiga    | dapur gas          | lori pengangkut |
| ribut taufan   | beberapa pandangan | bangunan lama   |

Kumpulkan semula frasa-frasa nama binaan *inti + penerang* di atas mengikut kelompok yang berikut.

Inti + Penerang nama

Inti + Penerang bukan nama

4. Lengkapkan jadual yang berikut dengan susunan perkatatan yang sesuai untuk membina frasa kerja transitif.

	Kata bantu	Kata bantu	Kata kerja transitif	Objek	Objek	Keterangan
a)						
b)						
c)						

5. Berikan contoh binaan frasa adjektif yang terdiri daripada *kata adjektif + kata adjektif* mengikut jenis.

- a) Keserasian makna : .....
- .....
- b) Unsur rima (keindahan bunyi) : .....
- .....

6. Tandakan ( \_/ ) bagi ayat yang mengandungi frasa sendi nama yang berperanan dalam konstituen subjek.

- a) Baju dari luar negeri itu sangat mahal. ( )
- b) Kerusi baharu itu diperbuat daripada rotan. ( )
- c) Buku di dalam almarnya dimakan anai-anai. ( )
- d) Pokok di tepi jalan tumbang pada malam tadi. ( )
- e) Dia mahu belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. ( )

7. (a) Apakah peranan frasa keterangan?

.....

(b) Di manakah terletaknya frasa keterangan dalam binaan ayat?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

8. Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan yang berikut. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan, kemudian buat pembetulan.

Walaupun hari ini terlalu panas sekali, dia perlu pergi juga ke tempat itu. Tempat yang hendak ditujunya agak jauh daripada rumahnya. Dia mencapai mini beg di atas meja lalu keluar dari bilik itu. Tidak diketahui sebabnya, teksi atau bas tidak muncul walaupun dia berada di situ selama setengah jam. Dengan resah dia mundar-mandir ke kiri dan kanan pondok menunggu teksi dan bas itu.

<i>Bil</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Sebab kesalahan</i>	<i>pembetulan</i>